

Jangan ubah saliran air semulajadi

KOSMO 05/11/2006.



MENGUBAH alam semulajadi sama ada di permukaan atau dasarnya bakal mengundang bencana kepada kehidupan manusia.

Sistem pengairan semulajadi yang berpunca daripada sungai seharusnya tidak diubah semasa pembangunan dijalankan di sesuatu tempat terutamanya kawasan berbukit.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ir. Ahmad Fuad Embi, pemaju sepatutnya tidak mengubah walaupun sedikit aliran sungai yang terdapat di mana-mana kawasan.

“Pengubahsuaian saliran semulajadi ini akan menyebabkan tanah di sekitar alur sungai tersebut menjadi tidak stabil,” katanya ketika dihubungi *KOSMO! Ahad* baru-baru ini.

Menurutnya, pemotongan le-reng bukit akan mengubah arah semulajadi sungai atau saliran dalam tanah dan menyebabkan wujudnya ‘kelonggaran’ struktur tanah di kawasan lain akibat saluran baru air tersebut.

Beliau berkata, jangka masa untuk menstabilkan semula saliran yang telah dipotong atau diubah mengambil tempoh amat panjang.

“Sekurang-kurangnya ia mengambil masa 100 tahun untuk menjadi seperti asal dan ini belum tentu boleh terjadi kerana faktor lain akan ‘menggangu’ proses

penstabilan tersebut,” katanya.

Ahmad Fuad memberitahu, pembinaan benteng atau saliran konkrit tidak akan membantu kerana ia hanya membuatkan aliran air semakin laju dan berbahaya kerana tiada penahan di sepanjang laluan itu.

“Rekahan yang berlaku akan memburukkan lagi keadaan kerana penyerapan air berlaku berkali ganda dan seterusnya mewujudkan alur-alur air yang baru,” tambahnya.

Dalam pada itu, beliau khawatir dengan pembangunan yang berlaku di kawasan tinggi terutamanya di sekitar Lembah Klang.

“Kerosakan saliran sungai semulajadi yang diwujudkan oleh pemaju sebenarnya tidak boleh diperbaiki dengan apa cara seka-

lipun, malah pengawalan terhadap tahap kerosakan juga mustahil dilakukan,” tegasnya.

Menurutnya, undang-undang perihal tanah sudah jelas menyatakan bahawa pemaju tidak boleh mengubah suai atau mengalih saliran sungai ketika membuat pembangunan.

“Perbuatan meratakan bukit juga tidak sepatutnya dilakukan kerana pemaju harus memotongnya mengikut kontur bukit dan ini sedikit sebanyak mengurangkan risiko tanah runtuh,” ujarinya.

Sementara itu, Pengarah Persekitaran Pencinta Alam Malaysia (MNS), Dr. Loh Chi Leong berkata, aktiviti pembalakan haram juga mengundang kepada masalah tanah runtuh.

Menurutnya, penerangan hutan secara haram seharusnya dipandang serius oleh semua pihak terutama kerajaan negeri.

“Seriusnya aktiviti tidak bermoral ini dapat dilihat daripada beberapa aspek. Pertama, kita tidak dapat kesan aktiviti pembalakan haram ini sehingga kawasan itu ‘gondol’ dan apabila ini berlaku, ia sudah terlambat untuk diselamatkan,”

“Kedua, laluan lori daripada aktiviti pembalakan haram akan mewujudkan kawasan berlumpur dan ia akan mendap di muara sungai. Lama-kelamaan, ia menyetekkan sungai dan akhirnya mengundang banjir,” katanya.

Malah, kegiatan keluar masuk lori itu juga akan menyebabkan tanah di sepanjang laluan bukit ‘terdedah’ dan seterusnya mengundang kejadian-kejadian tanah runtuh.

Chi Leong berkata, sekiranya tiada tindakan tegas diambil, kejadian itu akan bertambah buruk dan tidak mustahil lebih banyak nyawa yang menjadi mangsa.

“Undang-undang saja tidak cukup tanpa tindakan dan komitmen yang benar-benar tinggi terutamanya daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyelar trend pembinaan rumah di kawasan bukit untuk tujuan ‘menunjuk-nunjuk’ sedangkan perbuatan itu hanya ‘mencemarkan’ alam semulajadi.